

06/12/1999

Shahrizat serah pada PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, menyerahkan keputusan pelantikan beliau dalam Kabinet kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shahrizat, bagaimanapun, enggan mengulas lanjut mengenai sebarang spekulasi kemungkinan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri berikutan kejayaan mengekalkan kerusi Parlimen di Lembah Pantai dalam pilihan raya umum, lalu.

Shahrizat berkata, matlamat utama beliau adalah menunai serta memikul tanggungjawab besar bagi mengisi serta menyambung agenda pembangunan yang dirancangkan sebelum ini.

Katanya, banyak kerja yang perlu diselesaikan untuk menjaga kepentingan rakyat di kawasanya dengan merapat serta menyatukan semula hubungan antara semua pengundi di Lembah Pantai.

"Saya tidak tahu mengenai spekulasi itu. Tugas saya untuk memastikan kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) di Lembah Pantai dalam pilihan raya lalu sudah terlaksana.

"Saya juga sudah berjaya menjalankan amanah Dr Mahathir supaya melakukan kempen pilihan raya secara tertib dan mengikut peraturan," katanya selepas merasmikan Kutipan Derma Bagi Alaf Baru anjuran Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (Nawem), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai spekulasi dua pemimpin dari Wilayah Persekutuan mungkin dinaikkan pangkat kepada menteri dan timbalan menteri berikutan kejayaan BN dalam pilihan raya umum, 29 November lalu.

Kedua-dua mereka ialah Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamad dan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Shahrizat.

Dalam pilihan raya umum itu, Shahrizat menewaskan calon Keadilan, Zainur Zakaria dengan memperolehi undi majoriti 1,417.

Shahrizat berkata, antara agenda yang akan dilaksanakan ialah membangunkan setinggan di sekitar Lembah Pantai.

Sementara itu, Shahrizat berkata, Nawem menganggarkan dapat mengutip kira-kira RM80,000 melalui aktiviti kutipan derma seperti melelong barangan terpakai dan menjual kuih-muih.

(END)